

# 'Kami mahu jaminan kerajaan negeri'

Nelayan serba salah mahu ubah suai struktur jeti yang telah uzur kerana tiada hak pemilikan dan TOL

**SEKINCHAN** – Nelayan yang mengusahakan jeti pendaratan ikan di Pantai Redang Sekinchan merayu kerajaan negeri supaya memberi jaminan agar jeti yang diusahakan sejak lebih 50 tahun lalu tidak diambil alih bagi memudahkan mereka membaik pulih jeti sedia ada.

Seorang nelayan, Eng Kang Wei, 33, berkata, jeti pendaratan ikan diusahakannya itu tidak pernah di baik pulih sejak 30 tahun lalu hingga mengundang perasaan bimbang jika jeti itu tidak lagi selamat digunakan.

Menurutnya, keadaan itu sudah tentu memberi tekanan kepada nelayan yang masih menggunakan jeti kayu berikutan struktur bawahnya yang semakin mereput di permukaan air dan dikhuatiri boleh runtuh pada bila-bila masa.

"Kami bimbang keselamatan pengusaha dan pekerja yang menjalankan ker-



**KANG WEI**

ja tangkapan dan pendaratan ikan kalau jeti ini runtuh dan sudah tentu ia boleh mengakibatkan kehilangan nyawa," katanya.

Kang Wei berkata, meskipun tiada kes kehilangan nyawa dilaporkan berikutan keuzuran jeti pendaratan ikan itu, namun langkah berjaga-jaga perlu diambil termasuk merancang untuk membaik pulih jeti sedia ada.

"Kos untuk membaik pulih ini bukan RM10,000 atau



**CHAI KIAT**

RM20,000, tapi mungkin cecah ratusan ribu dan ia memerlukan modal yang besar, tambahan pula status tanah ini bukan hak milik persendirian," katanya.

Katanya, dia merancang untuk mengganti jeti kayu itu kepada struktur konkrit, namun bimbang jika Lembaga Urus Air Selangor (Luas) menjalankan tindakan penguatkuasaan berikutan pengusahaan tidak memiliki hak pemilikan dan Lesen Pendudukan



**Kang Wei menunjukkan keadaan jeti pendaratan ikan yang diusahakannya sejak 30 tahun lalu dalam keadaan daif dan perlu dinaik taraf bagi tujuan keselamatan.**

Sementara (TOL).

"Kami takut untuk mengubah suai struktur jeti sedia ada, kalau dirobohkan sudah tentu kami akan mengalami kerugian, jadi kami mahu jaminan daripada kerajaan negeri berhubung perkara ini," katanya.

Seorang lagi nelayan, Tan Chai Kiat, 47, berkata, rata-rata

nelayan yang masih menggunakan jeti kayu tidak mahu menukar kepada struktur konkrit berikutan bimbang jika tanah itu diambil kerajaan negeri tanpa sebarang pampasan.

"Walaupun nyawa terpaksa dipertaruhkan, apa yang boleh kami lakukan? Kami bukan mahu wang kerajaan negeri untuk bina jeti

konkrit tapi guna duit sendiri, tapi kalau kita bina, takut nanti dirobohkan pula," katanya.

Menurutnya, kerajaan negeri seharusnya memberi pertimbangan sewajarnya dalam hal itu memandangkan golongan nelayan di kawasan itu merupakan antara penyumbang utama pengeluaran hasil sumber laut di negeri ini.